

No.Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (57)



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 14 TAHUN 2024**

---

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI (PU):  
BAB R – PEROLEHAN PELANTIKAN EJEN UNIVERSITI  
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) MENGGUNAKAN  
SUMBER DALAMAN**

**Pejabat Bendahari**  
28 Ogos 2024

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (57)

28 Ogos 2024

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 14/2024

### **PEROLEHAN PELANTIKAN EJEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) MENGUNAKAN SUMBER DALAMAN**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan tentang Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) : Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) pada Bab R – Perolehan Menggunakan Sumber Dalaman Universiti Yang Dikecualikan Daripada Tatacara Perolehan Universiti Bagi Perolehan Pelantikan Ejen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Menggunakan Sumber Dalaman.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 5/2024 yang telah bersidang pada 26 Jun 2024 telah meluluskan Permohonan Pengecualian Peraturan Perolehan Bagi Pelantikan Ejen Universiti Teknikal Malaysia Melaka Menggunakan Sumber Dalaman.
- 2.2 Justifikasi permohonan pelantikan Ejen Universiti adalah untuk;
  - 2.2.1 Memastikan bayaran ejen ini dapat membantu Universiti dalam meningkatkan bilangan pelajar baharu atas usaha sebenar ejen yang dilantik;
  - 2.2.2 Mengelakkan berlakunya tuntutan ejen yang tidak sepatutnya dibayar kepada ejen yang mana mendatangkan kerugian kepada Universiti;
  - 2.2.3 Menyeragamkan proses bayaran ejen dan memperjelaskan tanggungjawab PTJ dan ejen berkaitan;
  - 2.2.4 Mempromosi program di UTeM dan melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh UTeM dari semasa dan semasa.

### 3.0 PERATURAN

- 3.1 Peraturan di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) adalah seperti berikut :

**BAB R – PEROLEHAN PELANTIKAN EJEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) MENGGUNAKAN SUMBER DALAMAN**

- 3.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/3-0-bahagian-pengurusan-perolehan-universiti> .

### 4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 4.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai dari kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 5/2024 bertarikh 26 Jun 2024.

Sekian, harap maklum.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SABARINA BINTI ABDULLAH**  
Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

## **8.0 PEROLEHAN PELANTIKAN EJEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) MENGGUNAKAN SUMBER DALAMAN**

### **8.1 Tafsiran**

- 8.1.1 “Ejen” ertinya syarikat yang membawa masuk pelajar bagi program yang berkaitan mendaftar ke UTeM;
- 8.1.2 “Pelajar” ertinya individu yang mendaftar sebagai Pelajar Program di UTeM;
- 8.1.3 “PTj” ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Fakulti / Institut / Pusat / Pejabat atau apa-apa jua nama ia dikenali yang ditubuhkan oleh UTeM dari semasa ke semasa;
- 8.1.4 “Bayaran Ejen” ertinya bayaran yang dibuat kepada ejen berdasarkan jumlah pelajar yang dibawa untuk mendaftar program yang berkaitan.

### **8.2 Sumber Peruntukan**

Bayaran ejen adalah menggunakan peruntukan sepenuhnya dari Sumber Dalaman.

### **8.3 Syarat-Syarat dan Proses Pelantikan Ejen Syarikat**

- 8.3.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- 8.3.2 Kajian pasaran adalah dikecualikan.
- 8.3.3 Tatacara rundingan harga adalah dikecualikan, namun pegawai yang menguruskan pelantikan di PTj hendaklah berusaha untuk merundingkan harga bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Universiti dan mendapatkan pengesahan/persetujuan daripada kedua-dua pihak secara bertulis sama ada melalui e-mel.
- 8.3.4 Ejen yang dilantik adalah di kalangan syarikat atau organisasi yang berdaftar secara sah dengan UTeM sahaja. Tempoh pendaftaran adalah selama (3) tahun dan perlu mendaftar semula sebagai ejen selepas tamat tempoh sah sekiranya ingin meneruskan perkhidmatan.

8.3.5 Pelantikan ejen ini diberi keutamaan kepada ejen yang berpengalaman dan pakar dalam pemasaran / promosi kemasukan pelajar.

8.3.6 Pelantikan ejen oleh Pihak Berkuasa Melulus seperti mana para 8.4.

#### 8.4 Pihak Berkuasa Melulus

8.4.1 Jawatankuasa Penilaian Pelantikan Ejen dilantik secara bertulis oleh Naib Canselor bagi menilai dan meluluskan pelantikan ejen dengan keahlian berikut;

<b>Pengerusi</b>	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	Bendahari
	Pendaftar
	Wakil Dekan yang dinamakan oleh Pengerusi
	Pengarah, Pusat Tanggungjawab yang berkaitan
	Wakil Fakulti / Pusat yang terlibat (dilantik oleh Dekan)
<b>Urus setia</b>	Pusat Tanggungjawab yang berkaitan

8.4.2 Keahlian Jawatankuasa Penilaian Pelantikan Ejen;

- i. Jawatankuasa boleh menjalankan tanggungjawab dengan kehadiran 2/3 ahli jawatankuasa termasuk Pengerusi dalam satu-satu masa.
- ii. Ahli Mesyuarat hendaklah membuat pengisytiharan Konflik Kepentingan (sekiranya ada) dan perlu beredar dari mesyuarat semasa kertas kerja berkaitan dibincangkan bagi tujuan kelulusan.
- iii. Jika pengisytiharan Konflik Kepentingan melibatkan Pengerusi, Pengerusi Ganti boleh dilantik di kalangan ahli jawatankuasa untuk mesyuarat membuat kelulusan.

iv. Menetapkan tatacara pengurusan mesyuarat.

8.4.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian Pelantikan Ejen adalah seperti berikut;

- i. Memastikan syarat yang dinyatakan di perenggan 8.3 di atas dipatuhi;
- ii. Menilai permohonan dengan mengambil kira faktor seperti kelayakan ejen dan lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh PTj;
- iii. Bertanggungjawab membuat semakan latar belakang ejen sebelum lantikan dibuat. Langkah ini adalah untuk memastikan kepentingan Universiti terpelihara dan kegagalan melaksanakan *due diligence* akan menyebabkan kesilapan dalam pelantikan ejen yang layak dan kompeten;
- iv. Meluluskan pelantikan ejen dan tempoh lantikan serta pembaharuan kontrak;
- v. Menentukan kadar yang layak dibayar kepada ejen dengan memastikan kadar adalah berpatutan dan tidak merugikan Universiti selaras dengan kadar bayaran yang telah ditetapkan dan diluluskan;
- vi. Jawatankuasa juga dibenarkan untuk merundingkan harga bersama pihak ejen bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Universiti;
- vii. Memastikan skop tanggungjawab ejen yang dilantik berserta tempoh lantikan adalah sah; dan
- viii. Menyemak dan meneliti aduan dan laporan yang diterima berkaitan ejen.

## 8.5 Penyambungan / Penamatan Kontrak

8.5.1 Penyambungan atau penamatan kontrak perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus berdasarkan syarat-syarat lantikan seperti di para 8.4.

## 8.6 **Pentadbiran Kontrak**

### 8.6.1 Dokumen Perjanjian

Universiti hendaklah mengadakan dokumen perjanjian tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

### 8.6.2 Pengecualian diberikan bagi Pengeluaran Pesanan Tempatan (PT), Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan.